

EARTH WARRIORS

DAY • 2022

PENGANJUR:



MAIN SPONSOR:

twentyfive.7



CO-SPONSOR:



RAKAN MEDIA:

The PAGE

SUPPORTED BY:



Anjurkan Sesi Anda Sendiri (Panduan ASAS)

1 September 2022 hingga 18 September 2022

I AM EARTH WARRIOR





1. Apakah itu Earth Warriors Day Muka Surat 3
 - Sorotan Earth Warriors Day 2019 Muka Surat 4
2. Siapa yang terlibat? Muka Surat 5
3. Bila EWD2022 berlangsung? Muka Surat 6
4. Dimana EWD dijalankan? Muka Surat 7
5. Struktur Alir Earth Warriors Day 2022 Muka Surat 8
6. BAGAIMANA IA DIJALANKAN?
 - Sebelum Pembersihan Muka Surat 9
 - Semasa Pembersihan Muka Surat 10
 - Selepas Pembersihan Muka Surat 11
 - Kaedah Pelupusan Sisa Muka Surat 13
7. Pengumpulan Data Sisa Muka Surat 12
8. Kongsikan di Media Sosial Muka Surat 14
9. Hubungi Kami Muka Surat 15

ISI KANDUNGAN



APAKAH ITU EARTH WARRIORS DAY (EWD) 2022

Earth Warriors Day (EWD) merupakan satu projek kesedaran alam sekitar di mana gotong-royong dwitahunan pembersihan secara besar-besaran yang diadakan serentak di pelbagai lokasi dalam tempoh kempen yang sejajar dengan matlamat untuk menjaga kebersihan alam sekitar kita.

Pihak Terlibat: Orang Awam, Komuniti Setempat, Sekolah, Majlis Perbandaran

SEJARAH kami



Earth Warriors
Project 2014 - 2020



2020 - kini

Bermula sebagai Earth Warriors Project yang dianjurkan oleh NGO seinduk, Great Heart Charity Association, aktiviti gotong-royong pembersihan secara bulanan berskala kecil di tempat-tempat awam seperti taman rekreasi dan juga jalan raya sekitar Malaysia telah dijalankan dengan tujuan utamanya untuk menginspirasikan orang ramai supaya menjaga persekitaran agar kekal bersih dengan usaha berterusan daripada sukarelawan dan komuniti awam.

Earth Warriors Day (EWD) merupakan lanjutan kepada Earth Warriors Project dan terdiri daripada kempen gotong-royong pembersihan besar-besaran dwitahunan. Dengan pendaftaran rasmi Persatuan Pahlawan Bumi (Earth Warriors Association) pada tahun 2020, organisasi ini telah secara rasminya mengambil alih tanggungjawab sebagai pengajur untuk Earth Warriors Day 2022.

► SOROTAN EARTH WARRIOR DAY 2019

- Lokasi Pembersihan: Secara serentak di 65 lokasi di dalam dan luar negeri.
- Lokasi Antarabangsa: Australia, New Zealand, Kemboja, Indonesia, Tunisia.
- Penyertaan melebihi 2,100 sukarelawan dari pelbagai agensi, penaja, badan korporat, dan juga kumpulan pelajar.
- Jumlah keseluruhan sampah terkumpul: 7.5 tan



SIAPA TERLIBAT

JOM LAKUKAN BERSAMA!



EWD 2022 dianjurkan bersempena dengan bulan Hari Kebangsaan Malaysia, dengan satu siri aktiviti gotong-royong pembersihan secara serentak dan aktiviti ‘plogging’ dijalankan di taman-taman awam dan jalan-jalan di beberapa lokasi. Disasarkan 5000 peserta akan tampil untuk membantu membersihkan 5000kg sampah-sarap, dengan harapan wujudnya penyatuan dan kerjasama orang ramai dan sukarelawan menggembung tenaga dalam membersihkan kawasan-kawasan terpilih serta mendedikasikan rasa cinta kepada negara dengan menjaga kebersihannya.

Siapakah yang TERLIBAT?

- Orang Awam
 - Komuniti Setempat
 - Sekolah
 - Majlis Perbandaran
- **ANDA! Mulakan perubahan di dalam kelompok kumpulan anda!**
(Rakan-rakan, sekolah, kawasan kejiranan, pejabat, syarikat, komuniti)

===== SERTAI KAMI! =====



BILAKAH EWD2022 BERLANGSUNG?

Tempoh Kempen::

**1 September 2022 hingga
18 September 2022**

Masa:

1 jam

EWA mengalu-alukan mana-mana sukarelawan/kumpulan dari dalam Malaysia atau antarabangsa untuk menyertai inisiatif hijau kami! Anjurkan Sesi Anda Sendiri dalam masa sekurang-kurangnya 1 jam pada mana-mana hari di dalam tempoh kempen berlangsung.

DIMANAKAH EWD DIJALANKAN?

Tetapkan Lokasi Pembersihan

Saranan:

- Kawasan Kejiranan Tetangga (jalan raya, taman permainan, longkang, dan kawasan perumahan).
- Kawasan Awam (sekolah, masjid, surau/kuil, taman, pantai, pondok bas).



PERHATIAN

Sebelum sebarang aktiviti pembersihan dijalankan, anda dikehendaki untuk:

- Mohon kebenaran pihak berkuasa / pihak berwajib ke atas kawasan aktiviti yang akan dijalankan (jika perlu).
- Pastikan anda mematuhi SOP untuk membendung penularan wabak COVID-19.
- Pastikan aktiviti yang dijalankan tidak mengganggu kegiatan lalu-lintas dan ketenteraman awam.

STRUKTUR ALIR EARTH WARRIORS DAY 2022

1



DAFTAR untuk menganjurkan sesi gotong-royong pembersihan anda di [bit.ly/
EarthWarriorsDay2022](https://bit.ly/EarthWarriorsDay2022)

2



Isikan borang pra-pendaftaran dengan butiran seperti lokasi dan tarikh yang dipilih untuk aktiviti pembersihan anda. Aktiviti mesti dijalankan dalam tempoh **1 Sep 2022 sehingga 18 Sep 2022.**

4



Selepas Aktiviti:

- Rekodkan **maklumat kutipan sampah anda**
- Siarkan foto aktiviti anda dan tag kami di Facebook atau Instagram anda dengan hashtag **#EarthWarriorsDay2022 @earthwarriorsassociation** dan simpan pautan url siaran anda untuk langkah seterusnya.

3



Semasa Aktiviti:

Ambil gambar lokasi sebelum dan selepas aktiviti pembersihan anda serta **1 gambar berkumpulan bersama sampah yang telah dikumpul.**

5



Selepas Aktiviti:
Isikan [post clean up submission form](#) (maklumat sisa, senarai nama, url/pautan media sosial)

6



Selesai! Tunggu untuk menerima e-sijil penyertaan anda setelah berjaya menyerahkan semua maklumat yang diperlukan daripada sesi pembersihan anda.

BAGAIMANA UNTUK LAKUKAN?

• Sebelum Pembersihan •

1

Isikan borang pendaftaran EWD2022 untuk Earth Warriors Day di [bit.ly/
EarthWarriorsDay2022](https://bit.ly/EarthWarriorsDay2022) pada pautan “Organise Your Own Session”.

2

Kenal pasti kawasan, bahagian atau laluan yang akan dibersihkan dan tempat pelupusan sampah.



Pastikan kawasan pembersihan tidak terdedah atau mendatangkan bahaya kepada peserta kumpulan anda.

3

Sediakan peralatan pembersihan
*Plastik sampah bersaiz S/M/L/XL, Sarung Tangan, Penimbang Berat (jika ada) & Penyepit Sampah (jika ada).



4

Kumpulkan ahli kumpulan dan agihkan tugas
**jika anda melakukan aktiviti pembersihan secara berkumpulan*

BAGAIMANA UNTUK LAKUKAN?

• Semasa Pembersihan •



1

Sentiasa tekankan aspek keselamatan semasa aktiviti gotong-royong pembersihan

- Memakai pakaian dan peralatan yang sesuai
- Jenis sampah yang boleh dikutip. Contoh: **Kertas/Kadbod, Plastik, Besi/Tin Aluminium, sisa am.**
- **Awasi:** Serpihan kaca, buangan biohazard (sisa klinikal, bahan kimia, haiwan mati)
- **Hindari:** Sisa Buangan besar (perabot, tayar)



2

Jika anda ingin membuat pengasingan sampah, sila asingkan sampah yang dikumpul mengikut jenis

- Jenis Sampah
- Saiz plastik sampah digunakan (S,M,L,XL).



3

Ambil gambar sebelum, semasa dan selepas aktiviti pembersihan dijalankan.

BAGAIMANA UNTUK LAKUKAN?

• Selepas Pembersihan •

1

Pengiraan sampah.

- Jika anda mempunyai penimbang berat, timbang berat sampah yang telah dikumpul selepas aktiviti pembersihan dijalankan
- Tanpa penimbang berat. Catatkan *bilangan beg plastik* sampah yang terkumpul dan *saiz bagi setiap beg plastik* sampah tersebut. Jika anda ada membuat pengasingan sampah, anda boleh menggunakan langkah ini untuk setiap jenis sampah yang telah diasingkan.

2

Buang sampah di tempat pembuangan sampah yang sah (tong sampah, tong roro, atau tempat pembuangan sampah oleh majlis perbandaran)
**Hantar ke pusat kitar semula terdekat jika anda melakukan pengasingan sampah.*

3

Bersihkan dan sanitasi diri anda dan peralatan pembersihan.

4

Laporkan jumlah berat/berapa beg sampah terkumpul melalui borang "Post Clean-Up Submission Form" di [\[bit.ly/postcleanupform\]](https://bit.ly/postcleanupform) selewat-lewatnya pada 19th Sep 2022.Jangan lupa untuk berkongsi gambar-gambar aktiviti di laman sosial anda.

BAGAIMANA UNTUK LAKUKAN?

• Kaedah Pelupusan Sisa •

Jika anda tidak melakukan pengasingan sisa:

- Hantar ke tempat pelupusan sampah yang terdekat.
- Letakkan di tong RORO yang disediakan oleh majlis perbandaran atau mana-mana tong RORO yang bersesuaian untuk pelupusan sampah.

Jika anda mengasingkan sampah mengikut jenis kitar semula:

- Asingkan dan bersihkan/basuh sampah tersebut sekiranya ia kotor, jika boleh.
- Hantarkan barang-barang yang boleh dikitar semula ke pusat kitar semula, jika boleh.



MAKLUMAT KUTIPAN SAMPAH

Selesai dengan kutipan sampah? Bagus! Anda hampir selesai! Jangan lupa untuk merekodkan data sisa anda di borang 'Post Clean Up Submission'.



Sekiranya anda mempunyai alat penimbang, pengumpulan data sisa dilakukan dengan menimbangkan sampah yang telah dikumpul, dan merekodkan berat sampah yang dikumpul dalam borang '**post clean up submission**'
[Cth: xx KG]

Jika anda tidak mempunyai penimbang berat, ikut garis panduan ini untuk proses pengiraan unit:

KIRA DAN REKODKAN:

a Jenis sisa



Plastik



Kertas



Logam



*Sisa Am
(lain-lain)

b KUANTITI beg sampah



(1,2,3.....)

c SAIZ beg sampah



*Jika anda tidak melakukan pengasingan sisa:
LANGKAU langkah ini

(Cth: Plastik 2M, Sisa Am 3L)

KONGSIKAN DI MEDIA SOSIAL

Kami nak dengar berita dari anda! Selepas aktiviti gotong-royong anda, sila siarkan gambar dan pengalaman anda pada siaran Facebook / Instagram anda!

1

Like & Follow kami di



[Earth Warriors Association](#)



[@earthwarriors association](#)

2



Siarkan gambar dan pengalaman anda semasa aktiviti Earth Warriors Day di Facebook/Instagram anda

3



Hashtag **#EarthWarriors Day2022** dan tag kami di **@earthwarriors association**

- Kongsikan gambar dan siaran anda selewat-lewatnya pada 19 September 2022.
 - Hantarkan pautan link siaran media sosial anda di "[Post Clean-Up Submission Form](#)".
 - Jangan lupa untuk setkan siaran anda kepada Umum (Facebook)
 - Jika akaun Instagram anda adalah terkunci, jangan risau! Akaun rasmi Earth Warriors Association akan mengirim permintaan "Follow" untuk melihat siaran tersebut!
-

Terima kasih kerana anda telah melakukan yang terbaik untuk pemeliharaan alam sekitar! Mari terus tingkatkan kesedaran dan teruskan berinspirasi!

HUBUNGI KAMI

-  bit.ly/EarthWarriorsDay2022
-  [Earth Warriors Association](#)
-  [@earthwarriorsassociation](#)
-  earthwarriorsassociation@gmail.com
-  [017-8848592 \(Jeff Tan\)](tel:017-8848592)
-  [014-7056107 \(Shayne\)](tel:014-7056107)

DAFTAR SEKARANG untuk
Menganjurkan Sesi Anda Sendiri!

bit.ly/EarthWarriorsDay2022 ➔

BORANG UNTUK DIISI selepas anda selesai
dengan sesi gotong-royong pembersihan!

bit.ly/postcleanupform ➔

